

NO. SOALAN: 141

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

TARIKH : 17 MEI 2016

RUJUKAN : 9165

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Malaysia dan rancangan Kerajaan untuk membantu golongan kurang nasib baik ini supaya kanak-kanak tidak ditindas sebab kecuaiannya ibu bapa mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlulah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) selaras dengan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, pendaftaran kelahiran ini hanyalah sebagai rekod bahawa kelahiran telah berlaku di Malaysia manakala penentuan kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah berdasarkan kepada status kewarganegaraan dan status perkahwinan kedua ibu-bapanya.

Oleh itu, bagi kanak-kanak warga asing yang dilahirkan di negara ini dan telah memperoleh Sijil Kelahiran bertaraf “Bukan Warganegara”, maka menjadi tanggungjawab kedua ibu bapanya jualah untuk menguruskan kewarganegaraan dan dokumen perjalanan kanak-kanak tersebut dengan negara asal mereka. Selain itu, status “Bukan Warganegara” yang tertera dalam Sijil Kelahiran seseorang kanak-kanak bukanlah merujuk kepada *stateless* kerana terdapat rekod serta maklumat ibu dan bapa yang menunjukkan mereka merupakan warga asing.

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara, jumlah pendaftaran kelahiran bagi kanak-kanak yang bertaraf Bukan Warganegara bagi tahun 2011 sehingga April 2016 adalah sebanyak 131,810 orang.